

24 NOV 1996

Mahathir - Kereta api

M'SIA KAJI CADANGAN SINGAPURA MENGENAI TG PAGAR

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

MANILA, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sedia mengkaji cadangan Singapura untuk memindahkan stesen kereta api milik KTM Berhad di Tanjung Pagar di republik itu ke tempat lain supaya tanah itu boleh dibangunkan secara usaha sama antara kedua-dua negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di sini, Perdana Menteri berkata Malaysia telah mengemukakan cadangan untuk menjadikan Tanjung Pagar sebagai stesen permulaan rangkaian kereta api Singapura ke Kunming di China.

"Dia berpendapat bahawa Tanjung Pagar tidak begitu sesuai kerana kawasan itu sudah mempunyai (kemudahan infrastruktur) seperti jalan raya.

"Goh Chok Tong berkata mungkin terminal baru diadakan di tempat lain dan Tanjung Pagar dibangunkan secara usaha sama," kata Dr Mahathir.

Katanya kedua-dua pihak akan mengkaji cadangan itu dan menentukan pembahagian kos yang dijangka meningkat.

Mereka turut membincangkan perlunya diwujudkan kerjasama untuk menapis siaran-siaran dari negara Barat termasuk menerusi Internet.

Dr Mahathir berkata mereka turut membincangkan soal bekalan air dari Malaysia ke Singapura.

Pertemuan itu berlangsung sehari sebelum bermulanya sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan yang menganggotai forum Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) esok di Subic Bay.

Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dengan wakil Taiwan ke Apec Dr Khoo Chen-Fu dan Perdana Menteri New Zealand Jim Bolger.

Menyentuh pertemuannya wakil Taiwan itu, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mengkaji cadangan Khoo supaya diwujudkan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Taiwan.

Dr Mahathir berkata beliau turut membangkitkan soal penambahan pelaburan Taiwan di Malaysia.

Mengenai pertemuannya dengan Bolger, Perdana Menteri berkata beliau mengutarakan pendapat Malaysia bahawa Apec perlu menerima anggota baru secepat mungkin dan tidak menunggu selama dua tahun untuk berbuat demikian sebagaimana yang dipersetujui pada mesyuarat peringkat menteri Apec.

Malaysia turut menegaskan betapa perlunya Asean menerima kemasukan Myanmar sebagai anggota pertubuhan serantau itu.

Ketika ditanya mengenai laporan media asing yang memburukkan Malaysia berhubung Persidangan Asia Pasifik Mengenai Timor Timur yang dihalang daripada berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini, Dr Mahathir berkata kebanyakan media asing pada kebiasaannya sengaja memburukkan negara-negara yang sedang membangun.

"Ini cara merekalah. Tak pernah nampak orang lain betul langsung, nampak diri mereka sahaja yang betul. Kadang-kadang (mereka) patut pegang cermin dan tengoklah muka di cermin dulu," kata beliau. -- BERNAMA

MAM SHY MAI